

BERNAMA > NEWS

Penerbit Guna Peluang Sertai Pesta Buku Pasarkan Hak Cipta

Oleh Lizawati Bahanan

TOKYO, 16 Julai (Bernama) -- Peluang menjadi sebahagian daripada peserta Pesta Buku Antarabangsa Tokyo ke-21 (PBAT-21) di Jepun baru-baru ini digunakan sebaik-baiknya oleh delegasi Malaysia untuk memasarkan penerbitan mereka dalam usaha menembusi pasaran buku antarabangsa.

Pegawai Penerbitan Kanan Universiti Utara Malaysia (UUM) Rosma Ishak berkata peluang yang sangat berharga ini digunakan sepenuhnya untuk membina rangkaian yang lebih luas dalam bidang penerbitan khususnya dengan penerbit di Jepun.

Rosma yang menyertai PBAT-21 bersama delegasi Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) berkata menerusi penyertaan dalam pesta buku ini secara langsung beliau dapat mengetahui permintaan penerbit Jepun yang kini lebih memberi fokus kepada pengetahuan mengenai pengurusan produk halal dan perbankan Islam.....

Previous Top Stories

Zahid Flies Into Ulaanbaatar To Attend 11th Asem Summit

Azalina And Nancy Get New Portfolios Under PM's Dept

PM Najib Congratulates UK's New PM Theresa May

Other News Headlines

Penang DAP Considers Dissolution Of State Assembly An Old Issue- **politic**

SGX Securities Market Will Not Reopen Today- **business**

1,300 Athletes To Compete In Sukim- **sports**

Syrian Refugee Recounts His Ordeal As Prisoner Of War- **features**

South Africa: DP Ramaphosa Says South Africans Dreams Of Having Aids-free Generation- **world**

Most Read News

▼ advertisement

Up Close 
@BERNAMA WebTV
"Chats & Happenings"

Every **Tuesday & Thursday**, 11.30 a.m.**Only on**
BERNAMA WebTV**SMS ALERT**

Latest news updates at your fingertips

"Orang Jepun memerlukan buku-buku mengenai pengurusan produk dan restoran halal serta perbankan Islam, dan ia sesuai dengan bidang kepakaran di UUM yang mengkhususkan dalam bidang pengurusan. Selain itu mereka juga berminat dengan buku-buku dalam bidang pengurusan perniagaan, pelancongan dan sejarah yang berkaitan dengan Jepun," katanya.

Beliau ditemui Bernama di Pavilion Malaysia di Tokyo Big Sight sempena Pesta Buku Antarabangsa Tokyo ke-21 (PBAT-21) di Jepun, pesta buku yang berlangsung selama empat hari bermula 2 hingga 5 Julai itu diketuai oleh Institut Terjemahan dan Buku Negara (ITBM) dan disertai 20 syarikat tempatan yang membawa 1,500 judul buku.

Penyertaan Malaysia yang memasuki tahun keempat ini dibuat dengan kerjasama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Turut dipersembahkan sempena pesta buku itu ialah persembahan tradisional masyarakat tempatan iaitu Makyong dan Wayang Kulit.

Rosma berkata sasaran MAPIM pada pesta buku tahun hadapan adalah untuk membawa produk penerbitan yang boleh dipasarkan mengikut kesesuaian dan permintaan pelanggan di Jepun.

"Sekiranya mereka berminat dengan buku-buku terbitan UUM, pihak kami akan bekerjasama dengan ITBM untuk proses terjemahan", katanya.

Sementara itu Pengarah Urusan Kumpulan Pelangi Publishing Group Samuel Sum juga berharap dapat menjalinkan kerjasama dengan penerbit di Jepun dalam usaha syarikatnya memasarkan koleksi e-bukunya ke peringkat yang tinggi.

Beliau yang berkeyakinan bahawa perniagaan e-buku akan menjadi sumber pendapatan penting bagi Pelangi Publishing Group berkata pasaran e-buku bagi syarikatnya terus berkembang sejak tiga tahun lepas walaupun masih belum dapat mengatasi pasaran buku dalam bentuk fizikal.

"Perancangan kami pada masa hadapan ialah untuk meluaskan lagi pasaran e-buku, dan pada tahun ini kami menjangkakan akan pasarkan e-buku meneruis anak syarikat kami yang berada di luar negara iaitu di Pelangi Publishing Thailand dan Pelangi Publishing Indonesia.

"Selain itu kami juga berharap untuk pasarkan e-buku di Jepun, setakat ini terdapat 500 judul e-buku terbitan Pelangi Publishing Group yang diterbitkan dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina, dengan sasaran pembaca ialah pelajar dari peringkat sekolah rendah hingga menengah," katanya.

Beliau berkata e-buku terbitan Pelangi Publishing Group juga merangkumi buku-buku seperti cerita dongeng, moral, biografi dan novel, selain itu syarikatnya juga memperkenalkan buku rujukan akademik yang sesuai untuk pelajar sekolah menengah.